

**KAJIAN KEPERLUAN DAN KEPENTINGAN TAMAN BANDAR
KE ATAS PENDUDUK DAN PERSEKITARAN.
KAJIAN KES : TAMAN TASIK SHAH ALAM**

Oleh

FAUZI AMRI BIN FADZIL

Jabatan Perancangan Bandar Dan Wilayah
Fakulti Senibina Perancangan Dan Ukur
Institut Teknologi Mara
Shah Alam

Oktober 1997

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim.... Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. Syukur ke hadratnya kerana dengan limpah kurnianya, maka kajian ini dapat dilakukan dengan lancar, jaya dan sempurnanya.

Oleh itu, di sini saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan berbanyak-banyak ribuan terima kasih saya kepada En. Yusoff Bin Ismail selaku penyelia kajian ini (Koordinator Kajian Akhir) di sepanjang penyediaan laporan ini.

Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada pegawai-pegawai yang bertugas terutamanya di Jabatan Senitaman dan Jabatan Perancangan Majlis Perbandaran Shah Alam di atas bantuan maklumat yang telah diberikan.

Di samping itu, terima kasih juga kepada rakan-rakan yang memberikan sokongan ketika menjayakan kajian ini.

Akhir sekali ribuan terima kasih yang tak terhingga kepada kedua ibubapa saya yang telah banyak memberikan sokongan dan galakan di dalam menjayakan kajian ini. Semoga kejayaan yang diharapkan menjadi milik kita. Insya-Allah....

ABSTRAK

Taman boleh didefinisikan sebagai sebuah kawasan lapang yang mempunyai pemandangan yang menarik di samping mempunyai pelbagai kemudahan bagi masyarakat melakukan aktiviti rekreasi. Hari ini, walaupun negara kita pesat dengan pelbagai projek pembangunan tetapi pihak kerajaan tidak lupa menyediakan taman sebagai kemudahan kepada orang awam. Lihat sahaja pada hari ini, di mana banyak taman telah diwujudkan. Taman yang diwujudkan banyak memberikan manfaat kepada orang ramai. Dengan adanya taman, masyarakat dapat menenangkan fikiran mereka dengan berkunjung ke taman tersebut. Taman amat penting di dalam sesebuah bandar. Sekiranya di dalam sesebuah bandar itu tidak terdapatnya kawasan taman maka perancangan bandar tersebut adalah tidak seimbang. Di samping itu, masyarakat akan memberontak akibat ketegangan yang wujud di mana tiada tempat untuk melepaskan ketegangan tersebut. Selain itu, taman juga berfungsi sebagai alat mengawal suhu di kawasan bandar. Ketiadaan kawasan taman di dalam bandar akan menyebabkan suasana di bandar tersebut panas, kering, bosan dan kelihatan kaku. Bagaimana keadaan sebuah bandar yang dipenuhi dengan bangunan-bangunan batu tetapi tiada unsur kehijauan di dalamnya. Secara tidak langsung berlakulah ketidakseimbangan pada bandar tersebut di mana tiada berlakunya integrasi di antara unsur senitaman lembut dan senitaman keras. Hari ini, taman merupakan satu keperluan dan kepentingan kepada masyarakat. Ia telah berubah mengikut keadaan dan kehendak manusia itu sendiri. Sikap manusia terhadap keperluan dan kepentingan taman itu telah berubah dengan begitu cepat di mana ketika dahulu manusia menganggap bahawa taman itu tidak memberikan sebarang fungsi kepada orang ramai. Tetapi pada hari ini di taman tersebutlah manusia mencari kesempatan untuk melakukan kegiatan mereka seperti beriadah sambil membawa keluarga bersiar-siar terutamanya pada hari minggu berbanding pada hari-hari biasa kerana hari tersebut merupakan hari bekerja bagi mereka.

| | |
|----------------------|------|
| Penghargaan | i |
| Abstrak | ii |
| Senarai Jadual | iii |
| Senarai Rajah | iv |
| Senarai Lampiran | vii |
| Senarai Singkat Kata | viii |

KANDUNGAN

BAB 1 PENDAHULUAN

| | |
|--|---|
| 1.1 Pengenalan | 1 |
| 1.2 Kenyataan Masalah | 1 |
| 1.2.1 Ketidakseragaman Kehadiran Pengunjung ke kawasan kajian | 1 |
| 1.2.2 Ketidakcukupan Tempat Letak Kenderaan | 2 |
| 1.2.3 Kekurangan Gerai-Gerai Makan | 2 |
| 1.2.4 Ketidakberkesanan Kawasan Kajian dalam Menarik Pengunjung | 3 |
| 1.2.5 Kekurangan Pengunjung Luar kawasan Kajian | 3 |
| 1.2.6 Ketidakperihatinan PBT Dalam Aspek Keselamatan Dan keselesaan | 3 |
| 1.3 Tujuan Kajian | 4 |
| 1.4 Objektif Kajian | 4 |
| 1.5 Skop Kajian | 5 |
| 1.6 Kaedah Kajian | 5 |
| 1.6.1 Peringkat 1 (Peringkat Pengumpulan Data) | 5 |

| | | |
|--------------------------------|---|----|
| 1.6.2 | Peringkat 2 (Peringkat Kajiselidik Dan Analisis Data) | 6 |
| 1.6.3 | Peringkat 3 (Peringkat cadangan) | 7 |
| 1.7 | Kawasan Kajian | 11 |
| 1.7.1 | Tasik Bahagian Barat | 11 |
| 1.7.2 | Tasik Bahagian Tengah | 11 |
| 1.7.3 | Tasik bahagian Timur | 11 |
| 1.8 | Rumusan | 12 |
| BAB 2 KAJIAN TEORITIKAL | | |
| 2.1 | Pengenalan | 14 |
| 2.2 | Bandar Taman | 14 |
| 2.2.1 | Definasi Bandar Taman | 15 |
| 2.2.2 | Konsep Bandar Taman | 16 |
| 2.2.3 | Prinsip Asas Bandar Taman | 23 |
| 2.3 | Taman Bandar | 25 |
| 2.3.1 | Definasi Taman Bandar | 25 |
| 2.3.2 | Jenis-Jenis Taman | 27 |
| 2.3.3 | Prinsip Rekabentuk Taman Bandar | 32 |
| 2.3.4 | Kriteria Rekabentuk Taman Bandar | 34 |
| 2.3.5 | Faktor Rekabentuk Taman Bandar | 35 |
| 2.3.6 | Peranan Taman Bandar | 36 |
| 2.3.7 | Elemen-Elemen Taman Bandar | 40 |
| 2.3.8 | Kepentingan Taman Bandar | 43 |